

## **Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

### **Penggunaan Standard Program: Kecerdasan Buatan (*Programme Standards: Artificial Intelligence, PS:AI*)**

[Pekeliling MQA Bil. 7/2025 bertarikh 10 November 2025]

#### Ringkasan ketetapan

- i. MQA dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah membangunkan Standard Program: Kecerdasan Buatan (*Programme Standards: Artificial Intelligence, PS:AI*) yang mengandungi panduan berkaitan dua disiplin dalam bidang Kecerdasan Buatan iaitu *Artificial Intelligence* dan *Applied Artificial Intelligence*.
- ii. Standard program ini berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA serta menepati keperluan *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) Edisi Kedua (2024).
- iii. Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program berkaitan Kecerdasan Buatan. Walau bagaimanapun, bidang Komputeran Ijazah Sarjana Muda dengan minor bidang Kecerdasan Buatan perlu mengguna pakai standard minimum yang ditetapkan dalam Standard Program: Komputeran Edisi Ketiga (2023).
- iv. PPT yang menawarkan program berkaitan Kecerdasan Buatan adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pengkelan. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), standard yang lebih tinggi adalah terpakai kecuali dinyatakan sebaliknya.
- v. Standard program ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, dokumen jaminan kualiti yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahbaikan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.
- vi. Penggunaan *Advisory Note* Bil. 2/2024: Penawaran Program Tahap Ijazah Sarjana Muda Bidang Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence, AI*) adalah terbatal.
- vii. Pekeliling berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

#### Tindakan di peringkat UPM

- viii. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) dan fakulti/sekolah lain yang berkaitan perlu merujuk kepada standard program ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan MQA seperti berikut:

| Bil. | Tarikh                                     | Perkara                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|--------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | 14 November 2025 sehingga 13 November 2026 | <p>Tempoh transisi bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kohort pelajar yang diambil <b>selepas tempoh transisi tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu</b> dalam standard program.</li> <li>ii. Kohort pelajar yang <b>sedang berada dalam sistem</b> boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</li> </ul> |
| 2.   | 14 Mei 2026                                | Pengambilan pelajar bagi <b>semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 3.   | 14 Mei 2026                                | Semua <b>program baharu yang memohon Akreditasi Sementara</b> perlu mematuhi standard program.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

Disediakan oleh:  
 Pusat Jaminan Kualiti (CQA)  
 Pejabat Naib Canselor  
 Universiti Putra Malaysia  
 Tarikh Kemas Kini: 7 Disember 2025